

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

selangorku

(Sila sebutkan No. Rujukan bila menjawab)

Ruj. Tuan : (86) MPS.3/2-04(P)1196
Ruj. Kami :
Tarikh : 30 Julai 2021

DATO' PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Perbendaharaan Negeri Selangor
Tingkat 2, 8-12,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Y. Bhg. Dato',

MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR.

Dengan hormatnya ini saya merujuk kepada surat PWN.Sel.700-1/3/2(8) bertarikh 12 Julai 2021 berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan maklum balas input dan cadangan bagi sesi libat urus belanjawan Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2021 seperti di Lampiran A untuk tindakan dan perhatian pihak Y. Bhg. Dato'.

Kerjasama pihak Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian. Terima Kasih.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MESRA CEPAT TEPAT DAN BERKUALITI"
"SELANGOKU SAYANG"

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI AZ'HAR BIN SAMSURU) A.M.S.
Pengarah Jabatan Perbendaharaan
b.p.: Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang.

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI
BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
1.	<u>MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)</u> EKONOMI	Digitalisasi Urusan Kerajaan Ditingkatkan.	Majlis Perbandaran Selayang ke arah memperluaskan perkhidmatan digitalisasi di dalam urusan pentadbiran MPS. 1. Bermula tahun 2020, MPS telah menghantar bil digital cukai taksiran kepada semua pemilik yang berdaftar di bawah pentadbiran MPS. Majlis telah mewujudkan satu platform bagi semakan dan bayaran di www.mymps.mps.gov.my. 2. Platform MyMPS ini akan diperluaskan untuk semua perkhidmatan MPS seperti Lesen, Kompaun dan Sewaan. 3. Pada masa yang sama, MPS juga telah menggunakan perkhidmatan digital OSC 3.0 Plus bagi menerima permohonan daripada pihak pemaju.
2.	ALAM SEKITAR	Low Carbon City.	1. Majlis Perbandaran Selayang telah mengikuti satu program khas yang dianjurkan oleh pihak Greentech bagi pelaksanaan LCCF 2020 untuk mencapai sasaran kerajaan menjadi sebuah bandar rendah karbon menjelang tahun 2020.

LAMPIRAN A

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI										
			Sebagai permulaan, MPS telah memilih kategori bangunan dengan memilih Kompleks Ibu Pejabat MPS sebagai pilot projek. Kompleks Ibu Pejabat MPS ini akan dijangka dapat mengurangkan penggunaan tenaga dan air di bangunan yang akan mengakibatkan pengurangan kos operasi untuk MPS. Keluasan kawasan LCCF Majlis Perbandaran Selayang adalah seluas 1.96 hektar merangkumi 0.0036% dari jumlah keluasan Majlis Perbandaran Selayang seluas 54,995. 2. Dalam perkhidmatan Laluan Bas Smart Selangor sediada, MPS telah melaksanakan perubahan laluan iaitu melalui lokasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) iaitu :- i. Kompleks Sukan Seri Siantan Sg. Tua ii. Hospital Selayang iii. FRIM Selain itu juga, Majlis Perbandaran Selayang telah melaksanakan pertambahan laluan Bas Smart Selangor ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) seperti berikut :- <table><tr><th>Kod Laluan</th><th>Laluan</th><th>PPV yang Dilalui</th><th>Jumlah Bas</th><th>Bas yang didaftarkan</th></tr><tr><td>MPS1</td><td>Selayang Mutiara</td><td>PPV Hospital</td><td>1</td><td>SS 9995 Y</td></tr></table>	Kod Laluan	Laluan	PPV yang Dilalui	Jumlah Bas	Bas yang didaftarkan	MPS1	Selayang Mutiara	PPV Hospital	1	SS 9995 Y
Kod Laluan	Laluan	PPV yang Dilalui	Jumlah Bas	Bas yang didaftarkan									
MPS1	Selayang Mutiara	PPV Hospital	1	SS 9995 Y									

LAMPIRAN A

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI															
			<table><tr><td></td><td>- LRT Gombak</td><td>Orang Asli Gombak</td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td>PPV Setia Eco Templer Rawang</td><td>1</td><td>SS 8795 X</td></tr><tr><td>MPS2A</td><td>Tesco Rawang - Hentian Bas Rawang</td><td>PPV Setia Eco Templer Rawang</td><td>1</td><td>BPY 6909</td></tr></table>		- LRT Gombak	Orang Asli Gombak					PPV Setia Eco Templer Rawang	1	SS 8795 X	MPS2A	Tesco Rawang - Hentian Bas Rawang	PPV Setia Eco Templer Rawang	1	BPY 6909
	- LRT Gombak	Orang Asli Gombak																
		PPV Setia Eco Templer Rawang	1	SS 8795 X														
MPS2A	Tesco Rawang - Hentian Bas Rawang	PPV Setia Eco Templer Rawang	1	BPY 6909														
3.	FISKAL	Pengurusan Pembayaran Cukai yang lebih efisien.	Dalam pengurusan cukai taksiran, MPS membuat langkah baru yang lebih efisien dan menyahut saranan Dato' Menteri Besar Selangor ke arah digitalisasi. 1. Penghantaran bil cukai taksiran di hantar melalui kaedah Email dan SMS. 2. Pemilik yang telah menerima bil melalui SMS atau Email akan membuat pembayaran melalui portal MyMPS dan platform saluran lain seperti JOMPAY.															

LAMPIRAN A

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			3. Bagi tempoh berakhir sehingga 30 Jun 2021, Majlis telah mencapai 95 peratus (95%) bagi kutipan cukai taksiran penggal pertama. 4. Majlis juga mengadakan kempen bayaran tunggakan cukai taksiran bagi rumah kampung dan kos rendah. Pemilik yang membuat bayaran secara penuh, pembatalan waran tahanan sebanyak 100% dan pengurangan caj dikenakan sebanyak 50% akan diberikan.
4.	BANTUAN RAKYAT DAN SOSIAL (SOCIAL SAFETY NET)	Lesen Sementara Penjaja Kecil	1. MPS menyediakan kemudahan permohonan secara online bagi memudahkan permohonan lesen kepda penjaja. 2. Majlis juga telah menjadualkan sesi membolehkan aktiviti di lokasi untuk kelulusan permit buah-buah bermusim dan permit perayaan secara jualan kupon permit. 3. Proses pembaharuan lesen penjaja / permit dipermudahkan dan dipercepatkan iaitu jabatan telah mengemaskini keperluan dokumen sokongan. 4. MPS juga turut memberi pengecualian ke atas caj lesen penjaja yang berada di dalam bangunan pasar awam dan juga pengecualian ke atas caj permit penjaja meja lipat.

LAMPIRAN A

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
		Bakul Makanan	Majlis Perbandaran Selayang menyahut saranan Kerajaan Negeri Selangor bagi melancarkan Bantuan Khas Covid bagi membantu mengurangkan bebanan rakyat setelah negara dilanda musibah wabak Coronavirus (Covid-19). Bantuan kewangan disalurkan bagi pembelian bekalan barangan keperluan asas, makanan dan sebagainya. Antara tindakan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut: 1. MPS telah mengeluarkan sejumlah RM120 ribu bagi penyaluran bantuan dari segi keperluan harian kepada kelompok komuniti bersasar melalui program rasmi MPS. - Sumbangan disasarkan kepada golongan yang terjejas / terkesan dengan pandemik COVID-19 iaitu:- i) Masyarakat yang terputus sumber pendapatan, hilang pekerjaan dan berada dalam kesusahan. ii) Petugas Barisan Hadapan (Frontliner) seperti pihak polis, tentera, kakitangan hospital. iii) Pelajar Universiti / Kolej yang terkesan dari segi aspek kewangan, pengurusan masa, pembelajaran dan aspek kesihatan mental. 2. Majlis turut bekerjasama dan mewujudkan program CSR dengan beberapa badan NGO, syarikat, pemaju dan individu yang ingin turut serta dalam memberi sumbangan

LAMPIRAN A

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			bekalan makanan atau bantuan kepada golongan yang terkesan akibat pandemik Covid-19.
		Pemberian Pengecualian / Pengurangan Kadar Sewa	1. Premis Tidak Beroperasi Majlis Perbandaran Selayang meneruskan pemberian pengecualian sewaan bagi 562 akaun premis dan pegangan milik MPS yang tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP 3.0 bagi bulan Jun dan Julai 2021 dan juga pengecualian denda lewat bagi bulan Jun dan Julai 2021 untuk keseluruhan akaun sewaan. 2. Premis Beroperasi Majlis juga turut memberi pengurangan sewa sebanyak 50 peratus (50%) bagi premis yang dibenarkan beroperasi semasa PKP 3.0 bagi bulan Jun dan Julai 2021.
PENGESAHAN KETUA JABATAN			
 (HAJI AZ' HAR BIN SAMSURI) Pengarah Jabatan Perbendaharaan b.p Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang			